

PM akui sumber nadir bumi jadi sasaran dicuri warga asing

Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui industri baharu negara seperti tenaga boleh diperbaharui dan sumber nadir bumi menjadi sasaran dicuri oleh warga asing.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, setakat ini tindakan yang diambil terhadap kegiatan haram seperti penyeludupan sumber kekayaan negara itu tidak drastik serta kurang tegas.

Beliau memuji tindakan dilakukan kerajaan Negeri Sembilan pimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, yang tegas menangani kegiatan haram seumpama itu, termasuk menutup kilang haram terabit.

“Kekangan kita ialah beberapa industri baharu termasuk tenaga boleh diperbaharui serta penggunaan nadir bumi yang sekarang berdepan beberapa masalah tentang penyeludupan dan juga operasi haram.

“Hanya kerajaan Negeri Sembilan telah mengambil tindakan yang agak tegas dengan menutup kilang haram itu. Tetapi di negeri lain masih belum mengambil tindakan tegas.

“Tindakan tegas kerajaan Negeri Sembilan ini untuk menghalang, terutama orang asing menggunakan keupayaan kita dan hasil dalam negeri kita,” katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri, di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Tan Kar Hing (PH-Gopeng) mengenai Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen yang diwujudkan oleh Mesyuarat Majlis Sains Negara.

Mengulas mengenai pelan itu, Perdana Menteri berkata, ia adalah rancangan jangka panjang negara dalam memajukan ekonomi hidrogen melalui ekosistem yang inovatif dan dipacu oleh teknologi untuk membolehkan transisi kepada tenaga lebih bersih.

Katanya, penetapan pelan berkenaan adalah sejajar dengan empat sasaran dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu Negara, Pelan Hala Tuju Boleh Baharu Malaysia 2022-2035 serta Dasar Tenaga Negara 2022-2040.

Sementara itu pada sesi soal jawab, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata sejumlah 29 atau empat peratus daripada 672 sungai dikenal pasti tercemar tahun lalu.

Beliau berkata, data itu berdasarkan pemantauan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang mendapati Indeks Kualiti Air (IKA) bagi sungai berkenaan berada dalam kategori tercemar bagi tempoh itu.

“Dalam menangani isu pencemaran sungai ini, yang berpunca daripada aktiviti pembuangan sisa kimia, ladang ternakan haiwan dan perlombongan, kementerian melalui JAS telah mengambil pelbagai langkah termasuk pada peringkat penguatkuasaan, perancangan dan kajian,” katanya menjawab pertanyaan Datuk Seri Sh Mohmed Puzi Sh Ali (BN-Pekan).